

Bantu terangkan dasar kerajaan kepada rakyat, Najib menggesa pegawai KPPK
The Malaysian Insider
27 Mac , 2012

PUTRAJAYA, 27 Mac — Datuk Seri Najib Tun Razak semalam meminta pegawai di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta agensinya membantu menerangkan dasar-dasar utama kerajaan kepada rakyat termasuk dasar 1Malaysia.

Menurut Perdana Menteri ini penting supaya rakyat tidak terus terkeliru oleh pelbagai dakwah serta fitnah yang dilemparkan oleh pihak pembangkang.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Rais Yatim (gambar) berkata Perdana Menteri mengutarakan hal itu dalam pertemuan dengan warga kementerian itu di sini, lapor Bernama Online.

Sehubungan itu, katanya, pihak kementerian akan mencetak 50,000 buku kecil yang mengandungi penjelasan mengenai isu-isu semasa sebagai panduan supaya rakyat tidak terpedaya dengan putar belit pembangkang.

Antara isu yang akan dimuatkan dalam buku itu ialah projek Lynas di Gebeng, Pahang; penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH); dan pertukaran saham Malaysia Airlines Berhad (MAS) dan AirAsia Berhad.

Selain itu, isu kenaikan harga barang, gejala rasuah, kredibiliti dan integriti pemimpin, tuntutan Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia (Dong Jiao Zong) dan National Fidlot Corporation (NFC).

"Buku kecil itu akan mengandungi fakta saintifik, ekonomi dan sosial yang mudah difahami agar rakyat boleh terima secara jelas," kata Rais kepada pemberita, dipetik Bernama Online.

Rais berkata buku kecil itu juga akan dibekalkan kepada kakitangan dan pegawai Jabatan Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Kita akan menyiapkan buku kecil itu secepat mungkin untuk diedarkan di kawasan bandar dan luar bandar," katanya.